


BULETIN SUHAKAM



Edisi Januari - Mac 2024 Bil 1/2024 *ISSN 1823-3392* Percuma



PENILAIAN BERKALA SEJAGAT KE-4

muka surat 10



Universiti Pertahanan National Malaysia (UPNM) Juara Kejohanan Debat Hak Asasi Manusia 2024

muka surat 17

Peluncuran Logo SUHAKAM

muka surat 21

SIDANG REDAKSI



SURUHANJAYA HAK ASASI MANUSIA MALAYSIA

Penasihat

Altaf Deviyati
Setiausaha

Syamsul Azhar Zamani
Ketua Penolong Setiausaha

Editor

Muhammad Syafiq Ikhwan Ghazali
Penolong Setiausaha

Pereka Grafik

Nur Naillah Mohd Sani
Pembantu Tadbir

© Hak cipta terpelihara Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM). Sebarang terbitan semula perlulah mendapat keizinan daripada SUHAKAM atau pengakuan sumber dibuat. SUHAKAM tidak akan bertanggungjawab akibat menyalin dan menyiarkan semula tanpa keizinan.

The thumbnail shows the front page of the SUHAKAM Bulletin. At the top, it says "BULETIN SUHAKAM". Below that is a photo of a group of people in formal attire. A purple banner at the bottom reads "PENILAIAN BERKALA SEJAGAT KE-4 muka surat 11". To the right is a logo for the "SUHAKAM 25th Anniversary 1999 - 2024". The page also includes small text at the bottom left and right.

RANDUNGAN

- 04 ❖ Kolaborasi SUHAKAM dan Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang dalam penghasilan Khutbah Jumaat
- 05 ❖ Sesi Perjumpaan Khas bersama Menteri Pendidikan
❖ Kursus Sistem Satelit Navigasi Sejagat (GNSS) dan Aplikasi Pemetaan
- 06 ❖ Program Perkhidmatan Komuniti Bergerak (PKB) di Kampung Tompios dan Kampung Tibabar, Ranau
- 07 ❖ Sesi Dialog Bersama Pihak Kedutaan Berhubung Penilaian Berkala Sejagat (UPR) Ke-4 Malaysia
- 08 ❖ Pertemuan dengan Pihak Berkepentingan sempena Proses Penilaian Berkala Sejagat Ke-4 di Geneva, Switzerland
- 09
- 10 ❖ Penilaian Berkala Sejagat Malaysia ke-4
- 11 ❖ Siri Syarahan '*Human Rights and Statelessness in Peninsular Malaysia*'
- 12 ❖ Ceramah Hak Asasi Manusia dan Pindaan Akta SUHAKAM Berkaitan OKU kepada Pertubuhan Orang Cacat Penglihatan Malaysia (\$BM) Cawangan Pahang
- 13 ❖ Program Sehari Menjadi VIP (*Visually Impaired Person*)
- 14 ❖ Ceramah Hak Asasi Manusia pada Program *A Day At Library* Sekolah Menengah Kebangsaan Syed Hassan, Kangar, Perlis
- 15 ❖ Majlis Makan Tengah Hari Tertutup Mengenai Kewarganegaraan
❖ Perbincangan Meja Bulat Isu Kemiskinan Haid
- 16 ❖ Libat Urus Bersama Agensi Kerajaan Berkaitan Isu dan Cabaran Semasa Ekonomi Gig Melibatkan Sektor E-Panggilan dan P-Panggilan
- 17 ❖ UPNM Juara Kejohanan Debat Hak Asasi Manusia 2024
- 18 ❖ Sesi Panel: Memorandum Persefahaman (MoU) Bagi Mencari Penyelesaian Jangka Panjang Terhadap Isu Tanpa Kewarganegaraan di Sabah antara SUHAKAM, KOMNAS HAMDAN CHRP, dan Langkah Kehadapan
- 19 ❖ Isu Buruh Paksa: Siri Konsultasi Bersama Pemegang Taruh di Pulau Pinang
- 20 ❖ Bengkel Rintis Modul Hak Asasi Manusia untuk Pendidik
- 21 ❖ Peluncuran Logo SUHAKAM bersempena Ulangtahun ke-25
❖ Forum Hak Warga Emas Kepada Hak Ekonomi, Sosial dan Kebudayaan di Pulau Pinang
- 22 ❖ Lawatan ke Rumah Penjagaan Warga Emas di Pulau Pinang
❖ Sidang Media Bantahan Terhadap Pindaan Dalam Perlembagaan Persekutuan
- 23 ❖ Forum Terbuka Isu Palestin: Kempen Hak Asasi Manusia dan Perundungan Antarabangsa Apakah Peranan Malaysia?

KOLABORASI SUHAKAM DAN JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM PULAU PINANG DALAM PENGHASILAN KHUTBAH JUMAAT



PULAU PINANG, 5 Januari 2024 - SUHAKAM melalui Bahagian Media dan Promosi (MPD) aktif berkolaborasi dengan Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri sejak beberapa tahun lalu dalam menghasilkan teks khutbah Jumaat bagi meningkatkan kesedaran masyarakat khususnya yang beragama Islam mengenai hak asasi manusia. Hal ini amat mustahak kerana hak asasi manusia seringkali dianggap bertentangan dengan ajaran Islam, malah masih ramai yang berpendapat bahawa hak asasi manusia merupakan agenda dari Barat.

Justeru, MPD meneruskan kolaborasi tersebut dengan Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang (JHEAIPP) yang telah menerima cadangan teks Khutbah Jumaat berkaitan warga emas bertajuk 'Menginsafi Fitrah Penuaan'.

Khutbah tersebut telah sempurna disampaikan di semua masjid seluruh negeri Pulau Pinang pada 5 Januari 2024 bersamaan 23 Jamadilakhir 1445H. SUHAKAM amat berharap agar usaha ini dapat memperkasakan kefahaman masyarakat mengenai perkaitan antara hak asasi manusia dan Islam.



SESI PERJUMPAAN KHAS BERSAMA MENTERI PENDIDIKAN

KUALA LUMPUR, 9 Januari 2024 - Pesuruhjaya Kanak-Kanak, Dr. Farah Nini Dusuki telah menghadiri Sesi Perjumpaan Khas bersama Menteri Pendidikan, YB Fadhlina Sidek berhubung usaha-usaha meningkatkan kesedaran jenayah seksual terhadap kanak-kanak di Malaysia dan mekanisme pelaporan. Turut hadir dalam sesi tersebut ialah Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-Undang dan Reformasi Institusi), YB Dato' Sri Azalina Othman Said.

Hasil pertemuan telah membawa kesepakatan antara semua pihak berkepentingan termasuk Pejabat Pesuruhjaya Kanak-kanak (OCC) untuk bekerjasama mengadakan konvensyen kesedaran literasi undang-undang kepada guru-guru. Konvensyen ini bermatlamat memberi panduan dan melatih guru-guru untuk mengesan dan melaporkan kes kesalahan seksual terhadap kanak-kanak yang berlaku dalam persekitaran sekolah secara berkesan.

KURSUS SISTEM SATELIT NAVIGASI SEJAGAT (GNSS) DAN APLIKASI PEMETAAN

KOTA KINABALU, 10 Januari 2024 - Pejabat SUHAKAM Sabah dengan kerjasama Jabatan Tanah dan Ukur (JTU) Negeri Sabah telah mengadakan Kursus Sistem Satelit Navigasi Sejagat (GNSS) dan Aplikasi Pemetaan yang bertujuan meningkatkan kefahaman kakinangan Pejabat SUHAKAM Sabah mengenai teknologi GNSS dan aplikasi praktikalnya dalam aktiviti pemetaan dan ukur.

Di samping itu, kursus tersebut dilihat mampu meningkatkan lagi kapasiti pegawai Pejabat SUHAKAM Sabah khusus dalam penggunaan teknologi GNSS untuk aktiviti pemantauan dan pelaporan yang lebih tepat dan berkesan bagi siasatan aduan yang berkaitan. Pejabat SUHAKAM Sabah merakamkan penghargaan kepada Ts. Sr Khairul Hazwan, Pegawai Jurukur Daerah, JTU Sabah, atas kerjasama dan kesudian beliau menyampaikan kursus tersebut.





PROGRAM PERKHIDMATAN KOMUNITI BERGERAK (PKB) DI KAMPUNG TOMPIOS DAN KAMPUNG TIBABAR, RANAU

RANAU, 13 Januari 2024 - Pejabat SUHAKAM Sabah telah menyertai program Perkhidmatan Komuniti Bergerak (PKB) anjuran Perbendaharaan Malaysia Sabah, yang diadakan di Kampung Tompios dan Kampung Tibabar, Ranau. Program ini merupakan salah satu usaha bersepadu oleh Kementerian Kewangan Malaysia untuk mendekatkan rakyat kepada pelbagai jenis perkhidmatan di lapangan khususnya masyarakat luar bandar dan pedalaman yang sinonim dengan isu-isu aksesibiliti.

Dalam program tersebut, selain sesi perkongsian mengenai hak asasi manusia, Pejabat SUHAKAM Sabah turut menyediakan khidmat nasihat secara terus di lapangan dan membuka kaunter aduan.

PKB dilihat sebagai inisiatif yang sangat berguna untuk masyarakat khususnya di luar bandar dan pedalaman kerana merangkumi empat komponen utama iaitu:

- Menyediakan perkhidmatan utama kerajaan (melibatkan asas pertanian, kesihatan dan kerjaya)
- Menyediakan peluang keusahawanan kepada penduduk tempatan ketika program berlangsung (pendaftaran syarikat, dan gerai jualan)
- Menyediakan platform untuk membolehkan bantuan kerajaan disalurkan terus kepada kumpulan sasaran (kemudahan pinjaman, bantuan ibu tunggal dan warga emas)
- Memberi penerangan serta kesedaran kepada rakyat mengenai dasar, program dan aktiviti kerajaan melalui kementerian dan agensi kerajaan.





SESI DIALOG BERSAMA PIHAK KEDUTAAN BERHUBUNG PENILAIAN BERKALA SEJAGAT (UPR) KE-4 MALAYSIA



KUALA LUMPUR, 17 Januari 2024 - Sesi Dialog antara SUHAKAM dan Pihak Kedutaan berkaitan Penilaian Berkala Sejagat (UPR) Ke-4 Malaysia telah diadakan di Pejabat SUHAKAM, Kuala Lumpur. Dialog tersebut dihadiri oleh 37 orang wakil daripada pelbagai misi diplomatik.



Sesi tersebut membuka ruang bagi kedua-dua pihak berbincang mengenai isu utama dan syor dari pelaporan SUHAKAM ke Majlis Hak Asasi Manusia Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu bagi Kitaran UPR Malaysia kali Ke-4 dan pelbagai isu tematik lain serta situasi hak asasi manusia di Malaysia.



Harapan SUHAKAM agar pihak misi diplomatik di Malaysia akan mengangkat segala hasil perbincangan kepada wakil tetap masing-masing di Geneva, Switzerland supaya isu yang dicadangkan dalam UPR kelak benar-benar mewakili dan menggambarkan situasi sebenar hak asasi manusia di Malaysia.



PERTEMUAN DENGAN PIHAK BERKEPENTINGAN SEMPENA PROSES PENILAIAN BERKALA SEJAGAT KE-4

Bersempena dengan Penilaian Berkala Sejagat (UPR) Malaysia Ke-4, delegasi SUHAKAM yang diketuai oleh Pesuruhjaya Prof. Dato' Noor Aziah Mohd Awal, Puan Nazira Abd Rahim dan Pesuruhjaya Kanak-Kanak, Dr. Farah Nini Dusuki memanfaatkan kunjungan ke Switzerland tersebut dengan mengadakan beberapa siri mesyuarat bersama rakan kongsi antarabangsa SUHAKAM dan pihak berkepentingan utama khususnya dalam proses UPR Malaysia. Berikut merupakan antara mesyuarat yang telah berlangsung di sana:

22 JANUARI 2024

Pertemuan dengan Tuan Carlos Sebastián Rosales, Timbalan Wakil Tetap Hak Asasi Manusia Misi Tetap Republik Argentina ke Pejabat Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu di Geneva

Perbincangan merangkumi pelbagai topik mengenai isu berkaitan kewajipan antarabangsa, hak sivil dan politik, hak ekonomi, sosial dan budaya serta kumpulan rentan, di samping perkongsian mengenai amalan terbaik yang dilaksanakan di Argentina.



23 JANUARI 2024

Pertemuan dengan Cik Claudia Mahler, Pakar Bebas mengenai Hak Asasi Manusia Warga Emas

Antara topik perbincangan ialah penggubalan Konvensyen PBB mengenai Hak Asasi Warga Emas, cabaran yang dihadapi oleh warga emas di Malaysia termasuk keganasan rumah tangga, kekurangan infrastruktur dan kesedaran, amalan terbaik dari negara lain yang mempunyai perundangan dan kepentingan keterangkuman, dengan mengambil kira keperluan khusus warga emas.

23 JANUARI 2024

Kunjungan hormat kepada YBhg. Dato' Nadzirah Osman, Wakil Tetap Malaysia ke Pejabat Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu di Geneva

Antara isu yang dibincangkan ialah isu kewarganegaraan, perkahwinan kanak-kanak, mutilasi alat kelamin wanita (FGM) / berkhatan wanita, perwakilan orang kurang upaya dan orang asli dalam perkhidmatan awam, hukuman rotan dan alternatif kepada penahanan kanak-kanak.



24 JANUARI 2024

Pertemuan dengan Cik Barbara Bernath, Setiausaha Agung dan Encik Ben Buckland, Penasihat Kanan, Pemantau dari Persatuan Pencegahan Penyeksaan (APT) di Geneva, Switzerland

Antara isu yang dibincangkan ialah situasi isu penyeksaan, layanan atau hukuman lain yang kejam, tidak berperikemanusiaan atau merendahkan martabat di Malaysia, kaedah meningkatkan kesedaran serta kerjasama strategik pada masa hadapan.



25 JANUARI 2024

Pertemuan dengan Cik Katharina Rose, Wakil di Geneva bagi Pakatan Global Institusi Hak Asasi Manusia Kebangsaan (GANHRI)

Antara isu yang dibincangkan ialah mengenai kemungkinan bagi tindakan susulan kepada Deklarasi Kyiv-Copenhagen mengenai 'Penyeksaan dan Layanan Kejam Lain: Peranan Institusi Hak Asasi Manusia Kebangsaan', pindaan kepada Akta SUHAKAM 1999 dan isu hak asasi manusia lain yang berkaitan dengan hak warga emas dan pengawasan maklumat palsu.



PENILAIAN BERKALA SEJAGAT MALAYSIA KE-4



GENEVA, 25 Januari 2024 - Delegasi SUHAKAM yang diketuai oleh Pesuruhjaya Prof. Dato' Noor Aziah Mohd Awal, Puan Nazira Abd Rahim dan Pesuruhjaya Kanak-Kanak, Dr. Farah Nini Dusuki telah menghadiri dan memantau sesi Penilaian Berkala Sejagat (UPR) Ke-4 Malaysia di Geneva, Switzerland.

Antara cadangan utama yang dikemukakan kepada Malaysia ialah:

- Memansuhkan sepenuhnya hukuman mati;
- Meningkatkan umur minimum perkahwinan kepada 18 tahun;
- Meningkatkan hak, perlindungan, dan penambahbaikan kesejahteraan warga emas dan orang kurang upaya;
- Memansuhkan hukuman rotan di sekolah;
- Memerangi isu pemedagangan manusia;
- Membangunkan rangka kerja untuk melindungi pelarian, orang tanpa dokumen dan tanpa kewarganegaraan;
- Mengukuhkan perlindungan sosial bagi kumpulan rentan terutama di kawasan luar bandar;
- Memberikan kewarganegaraan kepada anak-anak yang dilahirkan di luar negara oleh ibu warganegara Malaysia;
- Menerima pakai baki triti hak asasi manusia antarabangsa teras dan menarik semula resrvasi kepada triti yang telah diratifikasi.

SUHAKAM optimis terhadap penerimaan laporan penuh pada 31 Januari 2024, yang akan menjadi halatuju Malaysia untuk terus memacu dan mempromosi hak asasi manusia serta inklusiviti, khususnya di negara kita.



SIRI SYARAHAN

'HUMAN RIGHTS AND STATELESSNESS IN PENINSULAR MALAYSIA'



KUALA LUMPUR, 23 Januari 2024 - Satu siri syarahan mengenai *Human Rights and Statelessness in Peninsular Malaysia* telah berlangsung di Asia School of Business (ASB). Program kerjasama antara SUHAKAM dan ASEAN Research Centre (ARC) itu dihadiri seramai 160 peserta.

Program kerjasama yang merupakan syarahan kedua dalam rangka siri syarahan SUHAKAM mengenai hak asasi manusia dan tanpa kewarganegaraan di Semenanjung Malaysia ini telah dibuka ucaptama oleh YB Tuan Ramkarpal Singh. Manakala ucapan penutup disempurnakan oleh Pesuruhjaya, Datuk Mariati Robert.

Dalam sesi tersebut, Prof. Madya Dr. Melati Nungsari, Timbalan Dekan Penyelidikan di ASB dan Pengarah Fakulti di ARC, yang juga merupakan penyelidik/penulis Laporan Kajian SUHAKAM, *Human Rights and Statelessness in Peninsular Malaysia* telah berkongsi hasil dapatan Laporan. Majlis turut diisi dengan sesi perbincangan bersama Dr. Rodziana Mohamed Razali (Universiti Sains Islam Malaysia, USIM), Cik Maalini Ramalo dan Cik Joe Ann Chuah (Development of Human Resources for Rural Areas, DHRRA), serta Cik Patricia Low (Family Frontiers).





HAK ORANG



CERAMAH HAK ASASI MANUSIA DAN PINDAAN AKTA SUHAKAM BERKAITAN OKU KEPADA PERTUBUHAN ORANG CACAT PENGLIHATAN MALAYSIA (SBM) CAWANGAN PAHANG

TEMERLOH, 13 Januari 2024 - SUHAKAM melalui Bahagian Pendidikan dan Kemasyarakatan (EOD) telah memenuhi jemputan Pertubuhan Orang Cacat Penglihatan Malaysia (SBM) Cawangan Pahang untuk menyampaikan ceramah kepada ahli SBM Cawangan Pahang di premis SBM Cawangan Pahang, Temerloh. Selain SUHAKAM, Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) turut dijemput memberikan pencerahan berkaitan bidang tugas masing-masing yang relevan dengan pertubuhan berkenaan. Antara cadangan peserta kepada SUHAKAM bagi memastikan hak orang kurang upaya (OKU) terus diperkasa ialah:

- Penyediaan lampu isyarat melintas jalan berbunyi di seluruh negara untuk keselamatan OKU penglihatan seperti yang dilaksanakan di Hong Kong.
- Memastikan kandungan pendidikan awal kanak-kanak mencakupi pelbagai kategori OKU dan bukan hanya berfokus kepada kumpulan OKU tertentu sahaja.
- Meningkatkan sensitiviti orang awam kepada hak asasi OKU agar kejadian seperti meletakkan kenderaan di laluan pejalan kaki OKU tidak berulang.
- Memastikan polisi 1% pekerja OKU dipenuhi menerusi pewartaan undang-undang yang mengandungi hukuman dan penguatkuasaan oleh pihak berkuasa.

SUHAKAM berazam untuk meneliti segala cadangan yang dikemukakan dalam usaha memastikan Malaysia menjadi sebuah negara yang lebih inklusif terutamanya terhadap OKU.



Malaysia telah meratifikasi Konvensyen Mengenai Hak Orang Kurang Upaya atau Convention on the Rights of Persons with Disabilities (CRPD) pada tahun 2010 sebagai tanda komitmen Malaysia dalam melindungi hak golongan rentan ini.



KURANG UPAYA



PROGRAM SEHARI MENJADI VIP (VISUALLY IMPAIRED PERSON)



KUALA LUMPUR, 23 Februari 2024 - SUHAKAM dengan kerjasama Persatuan Orang-Orang Cacat Penglihatan Islam Malaysia (PERTIS) telah menganjurkan program Sehari Menjadi VIP (Visually Impaired Person) untuk meningkatkan kefahaman seluruh warganya mengenai akses kemudahan kepada orang kurang upaya (OKU).

Program yang memfokuskan isu golongan OKU penglihatan tersebut memberi penekanan kepada 4 akses utama iaitu bangunan awam (stesen Monorel dan MRT), kemudahan pengangkutan awam (perkhidmatan rel), teknologi (portal web dan aduan SUHAKAM) serta rekreasi (Taman Tasik Titiwangsa).

Terima kasih diucapkan kepada Tuan Mohd Faizal Che Yusof, Yang DiPertua PERTIS Malaysia serta barisan penceramah iaitu Encik Abul Faris Mohd Ali, Encik Muhamad Firdaus Hairi dan Encik Abdul Majid Mohd Yusoff yang telah berkongsi pelbagai ilmu berkenaan OKU penglihatan sepanjang berlangsungnya program tersebut.



CERAMAH HAK ASASI MANUSIA PADA PROGRAM A DAY AT LIBRARY SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN SYED HASSAN, KANGAR, PERLIS



KANGAR, 4 - 8 Februari 2024 - Program tahunan Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Syed Hassan, Kangar, Perlis dengan kerjasama Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Perlis pada kali ini dijalankan selama 4 hari dengan pelbagai pengisian menarik seperti senam robik, gotong royong menyusun buku dan lain-lain. Lebih istimewa, SUHAKAM melalui Unit Perpustakaan, Bahagian Penerbitan dan Pengurusan Maklumat (PIMD) telah dijemput ke Perpustakaan Awam Negeri Perlis bagi menjayakan program khas, Literasi Maklumat Hak Asasi Manusia. Program ini merangkumi pameran, sesi ceramah dan kuiz hak asasi manusia.



Seramai hampir 400 pelajar dan guru SMK Syed Hassan menghadiri ceramah hak asasi manusia yang disampaikan oleh wakil SUHAKAM di mana para hadirin didedahkan tentang salah satu prinsip yang termaktub dalam Perisyntiaran Hak Asasi Manusia Sejagat (UDHR) 1948 iaitu hak untuk hidup. Menurut UDHR, setiap orang mempunyai hak kepada nyawa, kebebasan dan keselamatan diri secara saksama tanpa mengira apa jua perbezaan.

PIMD menyeru orang ramai untuk mengunjungi sudut pameran SUHAKAM bagi mendapatkan pelbagai informasi berkenaan hak asasi manusia yang terletak di Perpustakaan Awam Negeri Perlis.



MAJLIS MAKAN TENGAH HARI TERTUTUP MENGENAI KEWARGANEGARAAN



KOTA KINABALU, 14 Februari 2024 - Pejabat SUHAKAM Sabah dengan kerjasama Pejabat Pesuruhjaya Kanak-kanak (OCC) telah menganjurkan Majlis Makan Tengah Hari Tertutup mengenai Kewarganegaraan. Antara tetamu utama yang hadir termasuk Menteri Kabinet Negeri, Senator, Ahli Parlimen Sabah dan wakil-wakil parlimen. Dalam majlis tersebut, Pesuruhjaya Kanak-kanak, Dr. Farah Nini Dusuki, membentangkan selok-belok perundangan bagi meningkatkan kefahaman hadirin mengenai cadangan pindaan kewarganegaraan di Malaysia baru-baru ini.

Majlis tersebut turut menjadi medan perbincangan dan pertukaran idea dalam kalangan hadirin. SUHAKAM amat berharap inisiatif yang dilaksanakan itu bukan sahaja memperkasa kefahaman mengenai cadangan pindaan kewarganegaraan tetapi turut menjadi pemangkin kepada penglibatan dan kerjasama yang lebih menyeluruh oleh pihak berkepentingan khususnya yang berkisar rakyat Sabah.



PERBINCANGAN MEJA BULAT ISU KEMISKINAN HAID



KUALA LUMPUR, 16 Februari 2024 - SUHAKAM buat julung kalinya telah menganjurkan sesi perbincangan meja bulat berhubung isu kemiskinan haid yang melibatkan pelbagai pihak berkepentingan seperti Ahli Parlimen, agensi Kerajaan, peguam dan badan bukan kerajaan (NGO). Antara Ahli Parlimen yang hadir ialah YB Dato' Mumtaz Md. Nawi, Ahli Parlimen Tumpat dan YB Yeo Bee Yin, Ahli Parlimen Puchong.

Pelbagai perkara berkaitan isu kemiskinan haid dirungkai dalam sesi tersebut termasuklah kekangan yang dialami oleh wanita untuk mengakses kemudahan dan kelengkapan haid, stigma masyarakat berkenaan isu kemiskinan haid serta realiti kehidupan wanita dalam menguruskan haid khususnya di Malaysia.



LIBAT URUS BERSAMA AGENSI KERAJAAN BERKAITAN ISU DAN CABARAN SEMASA EKONOMI GIG MELIBATKAN SEKTOR E-PANGGILAN DAN P-PANGGILAN



PUTRAJAYA, 19 Februari 2024 - SUHAKAM telah mengadakan sesi Libat Urus Bersama Agensi Kerajaan Berkaitan Isu dan Cabaran Semasa Ekonomi Gig Melibatkan Sektor E-Panggilan dan P-Panggilan di Putrajaya. Sesi tersebut dihadiri seramai 63 orang peserta melibatkan 12 buah Kementerian, 23 agensi Kerajaan, Kerajaan Negeri Selangor dan Terengganu serta sebuah syarikat insurans.

Libat urus kali ini merupakan siri dialog ketiga berkaitan isu perlindungan sosial melibatkan pekerja sektor ekonomi gig yang sedang diteliti oleh SUHAKAM. Untuk rekod, SUHAKAM telah mengadakan sesi libat urus seperti berikut yang melibatkan pekerja dan persatuan pekerja ekonomi gig dalam sektor e-panggilan dan p-panggilan pada 1 Mac 2023.

Antara objektif utama penganjuran sesi dialog ini adalah untuk membentangkan kepada Kerajaan tentang isu dan cadangan yang dibangkitkan oleh pekerja, persatuan dan syarikat penyedia perkhidmatan, di samping mendapatkan maklum balas daripada agensi Kerajaan dan organisasi berkaitan tentang isu yang dibangkitkan.

Tiga tema yang dibincangkan semasa sesi dialog tersebut ialah Dasar dan Perundangan; Perlindungan Sosial, Kebajikan dan Keselamatan Pekerja E-Panggilan dan P-Panggilan; dan Melangkah ke Hadapan.

UPNM JUARA KEJOHANAN DEBAT HAK ASASI MANUSIA 2024



SEGAMAT, 21 Februari 2024 - Kejohanan Debat Hak Asasi Manusia 2024 anjuran bersama SUHAKAM dan Kelab Debat dan Pidato UiTM Segamat, Johor dengan kerjasama Dewan Bahasa dan Pustaka Johor telah pun melabuhkan tirainya. Pusingan akhir menyaksikan pertembungan hebat antara Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM) dan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) Pagoh yang membahaskan usul 'Ratifikasi Konvesyen Pelarian 1961 membantu menangani isu pelarian di Malaysia'. Berikut merupakan keputusan penuh pertandingan:



Universiti
Pertahanan Nasional
Malaysia (UPNM)



Universiti
Islam Antarabangsa Malaysia
(UIAM) Pagoh



Universiti Teknologi Mara (UiTM)
Puncak Alam dan
Universiti Teknologi Petronas (UTP)

Saguhati

- ◆ Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA)
- ◆ UiTM Shah Alam
- ◆ Universiti Malaysia Kelantan (UMK)
- ◆ UiTM Kedah

Pendebat Terbaik Peringkat Akhir

Marzuhaimie Marzuki (UPNM)

Pendebat Terbaik Liga

Muhammad Alif Izuddin Azmale
(UiTM Shah Alam)

Syabas anak-anak muda!

SESI PANEL: MEMORANDUM PERSEFAHAMAN (MOU) BAGI MENCARI PENYELESAIAN JANGKA PANJANG TERHADAP ISU TANPA KEWARGANEGARAAN DI SABAH ANTARA SUHAKAM, KOMNAS HAM DAN CHRP, DAN LANGKAH KEHADAPAN

SUBANG JAYA, 29 Februari 2024 - Bersempena Persidangan Sedunia Mengenai Tanpa Kewarganegaraan 2024, SUHAKAM dengan kerjasama Komisi Nasional Hak Asasi Manusia Indonesia (Komnas HAM) dan Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Filipina (CHRP) telah menganjurkan satu perbincangan panel bertajuk Memorandum Persefahaman (MoU) bagi Mencari Penyelesaian Jangka Panjang terhadap Isu Tanpa Kewarganegaraan di Sabah antara SUHAKAM, Komnas HAM dan CHRP, dan Langkah Kehadapan di Kampus Taylor's University, Subang Jaya.

Panel yang terlibat dalam sesi tersebut ialah Pesuruhjaya SUHAKAM, Datuk Hajah Mariati Robert, Pesuruhjaya CHRP, Puan Faydah M. Dumarpa dan Pesuruhjaya Komnas HAM, Dr. Uli Parulian Sihombing.

Antara intipati yang dibentangkan termasuklah situasi orang tanpa kewarganegaraan di Sabah daripada perspektif institusi hak asasi manusia kebangsaan dan aktiviti yang dijalankan sebagai sebahagian daripada MoU serta langkah masa hadapan. Penglibatan dengan agensi kerajaan dan pihak berkepentingan, pemantauan berterusan terhadap situasi orang tanpa kewarganegaraan serta penglibatan langsung dengan komuniti tanpa kewarganegaraan di Sabah merupakan antara perkara yang akan diberi perhatian dalam usaha memperbaiki situasi bagi orang tanpa kewarganegaraan dan orang berisiko tanpa kewarganegaraan di Sabah.



ISU BURUH PAKSA: SIRI KONSULTASI BERSAMA PEMEGANG TARUH DI PULAU PINANG



GEORGETOWN, 4 Mac 2024 - Sejajar dengan Matlamat Pembangunan Mampan 8.7, SUHAKAM melalui Bahagian Dasar (PD) telah menganjurkan sesi konsultasi berkenaan isu buruh paksa bersama pihak berkepentingan di Georgetown, Pulau Pinang. Tujuan utama sesi ini diadakan adalah untuk mewujudkan kesedaran berkenaan isu buruh paksa, buruh kanak-kanak dan pemerdagangan manusia, mendapatkan maklum balas berkenaan isu/halangan/cabarhan masalah utama yang dihadapi oleh pihak berkepentingan serta mengetahui keperluan/sokongan utama yang diperlukan untuk menangani isu buruh paksa, buruh kanak-kanak dan pemerdagangan manusia di Pulau Pinang.



Antara isu yang dibangkitkan ialah proses pengambilan pekerja, yuran pengambilan pekerja, kontrak pekerjaan, penguasaan bahasa, ejen dan agensi pengambilan pekerja, penipuan, tempat tinggal pekerja, diskriminasi, pelarian serta cabaran mengakses kepada sistem keadilan dan mekanisme aduan.





TUARAN, 5 - 6 Mac 2024 - SUHAKAM melalui Bahagian Pendidikan dan Kemasyarakatan (EOD) telah menganjurkan Bengkel Rintis Modul Hak Asasi Manusia untuk Pendidik bersama pelajar Institut Pendidikan Guru (IPG) Kent, Sabah di mana ianya merupakan bengkel terakhir dalam siri bengkel yang mula dijalankan sejak tahun 2023. Penganjuran bengkel ini adalah untuk menilai keberkesanan Modul Hak Asasi Manusia untuk Pendidik di peringkat lapangan.

Pembangunan modul dijalankan dengan kerjasama Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM) menerusi pembiayaan oleh Delegasi Kesatuan Eropah (EU). Modul yang bermatlamat menyedia dan memperkasakan tahap pengetahuan ilmu hak asasi manusia dalam kalangan bakal pendidik ini disasarkan akan menjadi panduan kepada para pensyarah di IPGM dalam menyampaikan pengetahuan hak asasi manusia kepada para penuntut di IPG kelak.



PELUNCURAN LOGO SUHAKAM BERSEMPENA ULANGTAHUN KE-25

GEORGETOWN, 6 Mac 2024 - Hotel Sunway Georgetown, Pulau Pinang menjadi saksi peluncuran logo bersempena ulangtahun ke-25 penubuhan SUHAKAM. Detik penuh bersejarah itu disempurnakan oleh Naib Pengurus SUHAKAM, Tuan Ragunath Kesavan bersama barisan Pesuruhjaya SUHAKAM, Prof. Dato' Noor Aziah Mohd Awal, Datuk Mariati Robert, Dr. Chew Chee Ming, Datuk Mohamad Nordin Ibrahim dan YM Tengku Mohamed Fauzi Tengku Abdul Hamid serta Pesuruhjaya Kanak-kanak, Dr. Farah Nini Dusuki.

Sekalung tahniah diucapkan kepada SUHAKAM dan seluruh warga kerja atas ulangtahun ke-25 penubuhannya.



FORUM HAK WARGA EMAS KEPADA HAK EKONOMI, SOSIAL DAN KEBUDAYAAN DI PULAU PINANG



GEORGETOWN, 6 Mac 2024 - Bertempat di Hotel Sunway Georgetown, Pulau Pinang, telah diadakan Forum Hak Warga Emas Kepada Hak Ekonomi, Sosial dan Kebudayaan dengan matlamat memperkasakan warga emas menjelang tahun 2030.

Seramai lima orang ahli panel yang meliputi pelbagai latar belakang dan kepakaran telah ditampilkan bagi mengupas isu-isu dan cabaran bagi memenuhi hak warga emas dan langkah untuk memperkasakan warga emas menjelang 2030, khususnya di Pulau Pinang dan amnya di Malaysia.

Forum tersebut dihadiri oleh pelbagai lapisan peserta yang terdiri daripada agensi Kerajaan, badan bukan kerajaan (NGO), organisasi masyarakat sivil (CSO), universiti dan persatuan.

LAWATAN KE RUMAH PENJAGAAN WARGA EMAS DI PULAU PINANG

GEORGETOWN, 8 Mac 2024

Penang Buddhist Association Senior Citizens Home (PBA Home) ditubuhkan oleh Persatuan Buddha Pulau Pinang untuk menempatkan orang-orang miskin berumur antara 60 dan 70 tahun yang tidak mempunyai keluarga terdekat. Mereka yang diterima masuk disediakan penginapan percuma. PBA Home boleh menampung sehingga 300 penghuni.



KEPALA BATAS, 8 Mac 2024

Kompleks Warga Emas Darul Hanan Pulau Pinang dibina di bawah pembiayaan Yayasan Bukhary di atas sebahagian tanah Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) untuk penempatan dan penjagaan warga emas. Antara prasarana yang disediakan ialah bangunan asrama, anjung terapi, dewan makan, surau, wad terlantar, dewan serbaguna dan bilik seminar. Kompleks ini boleh menampung sehingga 150 orang dan telah mula beroperasi pada 1 Februari 2010.



SIDANG MEDIA BANTAHAN TERHADAP PINDAAN DALAM PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN

KUALA LUMPUR, 13 Mac 2024 - Berikutan ketidaksetujuan SUHAKAM atas beberapa pindaan dalam Perlembagaan Persekutuan yang berkaitan kewarganegaraan, sesi sidang media mengemukakan bantahan telah diadakan.

Di samping pengemukaan batahan, SUHAKAM turut mengesyorkan agar satu kajian yang komprehensif dijalankan bagi memastikan isu-isu berkaitan tanpa kewarganegaraan dapat ditangani secara holistik dan lebih efektif.





FORUM TERBUKA ISU PALESTIN: KEMPEN HAK ASASI MANUSIA DAN PERUNDANGAN ANTARABANGSA APAKAH PERANAN MALAYSIA?



KUALA LUMPUR, 20 Mac 2024 - Umum mengetahui kemelut berdarah antara Palestin dan Israel. Justeru, SUHAKAM mengambil inisiatif dengan menganjurkan forum bertajuk 'Forum Terbuka Isu Palestin: Kempen Hak Asasi Manusia dan Perundangan Antarabangsa. Apakah Peranan Malaysia?' di Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya.

Forum tersebut bertujuan untuk meningkatkan kesedaran rakyat Malaysia tentang situasi semasa hak asasi manusia dan kemanusiaan di Palestin; meneroka inisiatif yang boleh digerakkan oleh Malaysia terutamanya sebagai anggota Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC) dan ahli Majlis Hak Asasi Manusia PBB (MHAM) bagi sesi 2022-2024; dan menyemak semula peranan yang boleh dilaksanakan oleh semua pihak dalam isu kemanusiaan sejagat dan tindakan yang boleh dilaksanakan baik di peringkat domestik, serantau mahu pun antarabangsa.

Ucaptama telah disampaikan oleh YB Dato' Seri Utama Haji Mohamad Hasan, Menteri Luar Negeri manakala sesi perbincangan panel menampilkan Tuan Edmond Bon Tai Soon (Mantan Wakil Malaysia ke Suruhanjaya antara Kerajaan ASEAN mengenai Hak Asasi Manusia (AICHR)), YM Tengku Mohamed Faizi Tengku Abdul Hamid (Pesuruhjaya SUHAKAM), Prof. Dr. Syed Farid Alatas (National University of Singapore), Puan Lubna Sheikh Ghazali (Asylum Access Malaysia) dan Tuan Walid A. M. Abuali (Duta Besar Palestin ke Malaysia).





Ikuti kami di platform media sosial



ADUAN

Aduan boleh dihantar kepada SUHAKAM secara individu / berkumpulan melalui telefon, faks, e-mel dan sistem aduan SUHAKAM: <http://aduan.suhakam.org.my/eApps/system/index.do>

Ibu Pejabat Kuala Lumpur

Tingkat 11, Menara TH Perdana,
1001, Jalan Sultan Ismail,
50250, Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan
Tel : 03-26125600
Fax : 03-26125620
e-mel : humanrights@suhakam.org.my

Pejabat Sarawak

Suite 8.01, 8.02 & 8.03, Tingkat 8,
Tun Jugah Tower, Jalan Tunku Abdul Rahman,
93100, Kuching, Sarawak
Tel : 082-234650
Fax : 082-254937
e-mel : sarawak@suhakam.org.my

Pejabat Sabah

Suite W1 & E1, Tingkat 8, CPS Tower,
No. 1 Jalan Centre Point,
88000, Kota Kinabalu, Sabah
Tel : 088-317405
Fax : 088-317406
e-mel : sabah@suhakam.org.my